

Headline **Martabat bahasa kita**
Date **17 Jul 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **Helmy Abd Rahman**
Frequency **Daily**
ADValue **5,074**

Language **Malay**
Page No **44**
Article Size **236 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **15,223**



Martabat bahasa kita

Ahli akademik diminta tulis buku dalam bahasa kebangsaan

>>Oleh Helmy Abd Rahman
helmy@hmetro.com.my


SHAH ALAM: Golongan pemimpin universiti di negara ini khususnya naib canselor dan timbalan naib canselor perlu mengambil inisiatif lebih serius untuk menulis buku dalam bahasa kebangsaan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Saifuddin Abdullah, berkata langkah berkenaan bukan saja mampu memartabat dan mengembangkan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu, malah boleh mempengaruhi golongan pensyarah muda turut sama menghasilkan buku dalam bahasa rasmi negara.

Selain itu, katanya, pelbagai pihak lain antaranya pemimpin politik, masyarakat sivil dan golongan profesional perlu turut membukukan penulisan falsafah, pemikiran serta berbagai-bagai cara penyelesaian masalah atau persoalan.

"Sudah tiba masanya kita bergiat aktif memperbanyak dan mempopularkan buku bahasa Malaysia kerana ia usaha penting bagi memperkasakan bahasa kebangsaan sekali gus menjadikannya bahasa ilmu.

"Ini tidak bermaksud kita meminggirkan atau meniadakan bahasa lain, tetapi



BELEK...Saifuddin (tengah) bertanyakan Samad (kanan) mengenai harga bukunya sambil disaksikan Mohd Khair, semalam.

karya dalam bahasa Malaysia dengan menggunakan formula tempatan tentunya membantu dalam pembangunan negara," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Perasmian MPH Mutiara Minda dan Pelancaran Buku Bisik Warna Karya Sasterawan Negara, Datuk Dr A Samad Said, di sini, semalam.

Mengulas majlis itu, Saifuddin berkata, inisiatif kedai buku MPH Bookstores mewujudkan sudut khas bahasa Malaysia dipanggil Mutiara Minda di setiap cawangan perlu dicontohi syarikat pengedar buku lain.

Selain itu, menurutnya, satu siri jelajah mempromosikan buku Bisik Warna akan diadakan di setiap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di seluruh negara, tidak lama lagi.

"Pak Samad (Samad) akan turut menyertai siri jelajah ini untuk berjumpa dan berkongsi pengalamannya dengan golongan mahasiswa. Saya fikir, usaha ini sangat perlu dan membantu mahasiswa berjinak dengan karya besar sasterawan negara," katanya.

Sementara itu, Pengarah Institut Terjemahan Negara, Mohd Khair Ngadiron, berkata setiap institusi pengajian tinggi perlu memperbanyakkan buku berbahasa Malaysia untuk rujukan pelajar.